

## ALIRAN KIRI DI DALAM POLITIK PERKAUMAN MALAYA/MALAYSIA,<sup>1</sup> 1955 – 1969

Ahmad Nidzammuddin Bin Sulaiman

Setelah cadangannya mahu membuka UMNO<sup>2</sup> kepada lain-lain kaum ditolak, Dato Onn terus meletakkan jawatannya sebagai presiden UMNO. Dengan semangat yang meyakinkan beliau segera menubuhkan sebuah parti baru, Parti Kemerdekaan Malaya atau The Independence of Malaya Party (IMP) pada tahun 1951 yang menolak dasar-dasar perkauman. Tindakan ini merupakan satu percubaan kepada penubuhan parti politik berbilang kaum.

Dato Onn percaya bahawa kemerdekaan akan hanya diperolehi dari kerajaan Inggeris sekiranya rakyat yang berbilang kaum di negara ini dapat hidup dengan aman di bawah satu kerajaan yang diterima oleh semua pihak. Oleh sebab itu satu parti berbilang kaum adalah perlu untuk memenuhi hasrat tersebut. Namun tanpa diduga oleh Dato Onn sendiri partinya yang bertanding di dalam pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 telah tewas dengan teruknya. IMP hanya memenangi 2 kerusi berbanding dengan perikatan UMNO—MCA<sup>3</sup> yang membolot 9 dari 12 kerusi. Kekalahan ini memberi tamparan hebat kepada Dato Onn dan sekali gus menjadikan ketokohnanya di dalam politik semakin pudar.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Tumpuan kajian ini hanya meliputi Malaysia Barat.

<sup>2</sup> UMNO diasaskan di dalam tahun 1946 hasil reaksi rancangan Malayan Union oleh Kerajaan British. Penentangan terhadap Malayan Union telah mendesak kepada pengajuran ‘Kongres Melayu Se Tanah Melayu’ di Kuala Lumpur dengan delegasi dari 40 pertubuhan Melayu di Malaya. Dari sini lahir UMNO dan Dato Onn diterima sebagai presiden pertamanya.

<sup>3</sup> Perikatan UMNO—MCA lahir pada 8 Jan., 1952, pada mulanya hanya sebagai gabungan sementara bagi menentang IMP dalam pilihanraya Kuala Lumpur (1952) tetapi kemudianya menjadi semakin mantap setelah memenangi pilihanraya dengan majoriti yang cukup kuat.

<sup>4</sup> Dato Onn mula menyedari bahawa pertimbangan kaum masih begitu kuat di negara ini dan ini tidak memungkinkan penerimaan masyarakat terhadap parti-parti berbilang kaum. Di atas kesedaran ini beliau kemudiannya menubuhkan pula Parti Negara pada tahun 1954, sebagai sebuah parti dominasi Melayu, tetapi telah terlambat kerana UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah mengukuhkan kedudukannya apatah lagi gabungannya dengan MCA dan MIC diterima baik oleh Kerajaan Inggeris pada masa itu.

Apa yang penting di dalam fakta sejarah ini ialah lahir seolah-olah kecenderungan betapa masyarakat negeri ini terlalu mengambilkira faktor-faktor perkauman di dalam menyokong parti politik. Oleh sebab itu parti-parti politik di negara ini tidak dapat tidak harus bersifat perkauman bagi menjamin sokongan massa. Mana-mana parti politik yang benar-benar bercorak berbilang kaum mahu tidak mahu akan menerima nasib yang sama seperti IMP. Fenomena sedemikian masih wujud hingga sekarang. Sekurang-kurangnya satu-satu parti itu boleh bersifat berbilang kaum di dalam perlombagaan serta dasar-dasar partinya sahaja tetapi tidak diperjuangkan secara praktis. Kenyataan ini lebih jelas bila melihatkan pada kesemua parti-parti dominan di negara ini adalah bersifat perkauman seperti UMNO, MCA, MIC dan PAS. Parti Gerakan dan DAP dibina dengan keanggotaan berbagai kaum tetapi perjuangan parti ini secara jelas lebih lantang memperjuangkan kepentingan kaum-kaum tertentu. Keadaan sedemikian dijelaskan lagi dengan merujuk kepada keahlian parti-parti ini yang didominasi oleh satu-satu kaum tertentu sahaja.

Namun demikian sejauhmana dan sampai bila kenyataan ini dapat dianggap benar. Apakah tidak wujud satu-satu parti yang '*multi-racial*' dan boleh *survive*? Dengan penonjolan parti-parti politik yang memperjuangkan kepentingan satu-satu kaum, bagaimana pula kedudukan parti-parti politik yang berdasarkan ideologi sosialisme, parti yang memperjuangkan kepentingan kelas bawahan tanpa mengira kaum. Apakah dengan ideologi itu mereka berupaya menembusi tembok perkauman dan mampu bergerak merentasi batas-batas kaum asalkan hasrat sosialisme itu tercapai.

Di atas rasa keyakinan inilah pejuang-pejuang kelas bawahan telah menggerakkan beberapa parti politik yang dianggap '*kiri*'<sup>5</sup> di Malaya pada waktu itu. Antara parti-parti ini ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Parti Rakyat Malaya, Parti Buruh Malaya dan Malayan Democratic Union. Walau bagaimanapun, untuk perbin-cangan ini kajian hanya merujuk kepada pergerakan Parti Buruh Malaya dan Parti Rakyat Malaya yang kemudiannya bergabung membentuk Socialist Front.

<sup>5</sup>Kiri: Istilah ini difahamkan sebagai golongan yang ingin membawa perubahan dengan cepat. Golongan yang ingin mengubah sesuatu itu dengan suatu perubahan yang menyeluruh, atau dengan kata lain,

'To be on the left was to be for the revolution, that is, in its gradations, to be in favour of change, or more change, or most change'. Lihat *Dictionary of The Social Science*, 1964 h. 383.

Merujuk kepada politik Malaysia faham kiri selalu dikaitkan dengan parti politik yang memperjuangkan ideologi sosialisme dan komunisme.

### PARTI BURUH MALAYA (PBM)

Parti ini sebenarnya dibentuk oleh gabungan kesatuan-kesatuan sekerja yang membentuk Pertubuhan Buruh Se Malaya (Pan Malayan Labor Organization) pada tahun 1952. Hingga bulan Oktober 1955, di dalam satu konferen perwakilannya parti ini menukar namanya kepada Parti Buruh Malaya dan disusun semula mengikut satu perlombongan baru di bawah satu kuasa pusat. PBM mula bergerak sebagai satu parti sosialis yang berbilang kaum dengan pembentukannya mengikut model Parti Buruh Great Britain.<sup>6</sup> Sifat parti yang berbilang kaum di tahap awal perkembangannya ini dijelaskan lagi dengan terdapatnya pemimpin-pemimpin dari berbagai kaum seperti Mohd Sopiee, Osman Siru, Jaganathan dan Lim Yew Hock. Meskipun demikian kebanyakan dari ahli partinya adalah terdiri dari pekerja-pekerja keturunan Cina.

Di tahap awal pembentukannya parti ini berpegang kuat kepada ideologi sosialisme hinggakan Means menganggapnya sebagai "... a genuinely socialist party"<sup>7</sup>

Parti ini memperjuangkan sosialismenya dengan menuntut pemiliknegaraan industri, perlombongan dan ladang-ladang getah. Parti ini juga menganjur pembentukan satu masyarakat yang bebas dan samarata; masyarakat yang bekerjasama bagi mengagehkan pendapatan negara dengan samarata di bawah satu sistem ekonomi yang dirancang. Ia juga melaungkan pengagehan tanah, menjanjikan banyak hak-hak ekonomi dan sosial untuk semua lapisan masyarakat dan menerima '*Universal Declaration of Rights*'.<sup>8</sup> Parti ini juga menuntut kerajaan menambah rancangan-rancangan kebijakan masyarakat dan membentuk badan-badan kooperatif. Dari segi organisasi, parti ini mempunyai cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian yang mewakili paras negeri. Pada paras negara terdapat Majlis Eksekutif Kebangsaan (National Executive Council) yang bertanggungjawab kepada kebanyakan kerja-kerja pentadbiran.<sup>9</sup>

Di dalam pilihanraya umum tahun 1955 parti ini telah meletakkan 4 orang calon tetapi tewas kesemuanya malah hanya memperolehi undi kurang satu peratus dari jumlah undi yang dibuang.

<sup>6</sup>R.S. Milne and D.K. Mauzy, *Politics and Government in Malaysia*, Federal Publications, Singapore, 1978, h. 146.

<sup>7</sup>G.P. Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, 1976, h. 238.

<sup>8</sup>Dasar-dasar PBM serta tuntutan-tuntutannya diuraikan dengan panjang lebar di dalam manifesto parti ini di dalam tulisan G.P. Means, *ibid*, h. 259.

<sup>9</sup>R.S. Milne and D.K. Mauzy, *op.cit* h. 147.

### PARTI RAKYAT MALAYA (PRM)

PRM ditubuhkan di dalam bulan Disember 1955 dan terus dipimpin oleh Ahmad Boestamam<sup>10</sup> yang baru sahaja dibebaskan dari tujuh tahun tahanan. Ahmad Boestamam mendakwa parti ini sebagai 'agarian socialist party' yang tidak bersifat perkauman<sup>11</sup> dan di dalam akhbar *The Malay Mail* di hari penubuhan parti ini beliau mengatakan "... that our struggle is based on common suffering of the people of Malaya. There is no question of race or colour".<sup>12</sup> Sebenarnya ideologi sosialisme PRM dipengaruhi oleh bentuk sosialisme Indonesia yang didokong oleh Soekarno pada masa itu yang lebih dikenali sebagai 'Marhaenism'.<sup>13</sup> Milne dan Mauzy menganggap parti ini merupakan campuran ideologi nasionalisme Melayu, sosialisme petani radikal, perjuangan ke atas pemilikan negaraan industri-industri secara besar-besaran dan prinsip-prinsip egalitarianisme.<sup>14</sup>

Pada masa awal perkembangannya parti ini menegaskan beberapa pendirian, antaranya:

- (a) ia menerima kewarganegaraan kepada semua orang yang tinggal tetap dan memberikan sepenuh taat setia kepada negara tetapi parti ini menentang prinsip '*jus soli*',
- (b) ia menolak diskriminasi terhadap mana-mana kaum atau kumpulan agama di dalam perdagangan, pelajaran dan kebudayaan,
- (c) ia mencadangkan pengwujudan satu badan pengantaraan antarabangsa sebagai alat untuk berdamai dengan Parti Komunis Malaya.
- (d) berhubung dengan kedudukan Parti Komunis Malaya ia men-desak penghapusan Undang-Undang Darurat dan

<sup>10</sup> Ahmad Boestamam sebenarnya bernama Abdullah Thani b. Raja Kechil. Beliau mula aktif dalam pergerakan KMM tetapi tidak lama. Beliau juga merupakan salah seorang pengasas PKMM sebuah parti kiri Melayu yang pro-Indonesia. Dari PKMM ditubuhkan API dan beliau memimpin gerakan pemuda ini, tetapi kemudiannya API telah diharamkan kerajaan. Ahmad Boestamam menubuhkan PRM dalam meneruskan perjuangan setelah keluar dari tahanan. Beliau memenangi kerusi parlimen Setapak (1959) di atas tiket SF dan bertanding lagi di dalam Pilihanraya 1974 di atas tiket Pekemas tetapi tewas. Beliau meninggal dunia pada 19 Jan., 1983.

<sup>11</sup> B.P. Means, *op.cit*, h. 240

<sup>12</sup> *Malay Mail*, 11 Nov., 1955

<sup>13</sup> Marhaenism merupakan suatu ideologi yang menitikberatkan kehidupan bekerjasama dan hidup saling tolong menolong. Di dalam Akhbar *Fikiran Rakyat*, akhbar rasmi parti tersebut Ahmad Boestamam menyatakan Marhaenisme ialah sosialisme yang disamakan dengan gotong royong Indonesia dan yang berdasarkan demokrasi. Lihat *Fikiran Rakyat*, 26 April, 1957.

<sup>14</sup> G.P. Means, *op.cit*, h. 146

- (e) ia mahukan pelaburan dari luar negeri di Malaya ini dihapuskan.<sup>15</sup>

Dari segi organisasi, PRM mempunyai cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian bagi paras negeri dan Majlis Parti sebagai badan tertinggi penggubal dasar. Walaupun parti ini mendakwa ia tidak bersifat perkauman kebanyakannya dari anggotanya adalah terdiri dari orang-orang Melayu dan di dalam hubungan ini Means menulis, "Its non-communal guise did not conceal the fact that Party Rakyat lined up on the distinctly 'Malay' side on nearly all communal issues".<sup>16</sup> PRM melibatkan diri di dalam pilihanraya pertamanya pada tahun 1959 tetapi pada masa itu ia berada di dalam Socialist Front.

#### THE MALAYAN PEOPLE SOCIALIST FRONT (SF)

SF yang menyatukan PBM dan PRM telah diasaskan pada tarikh kemerdekaan Malaya. Pada mulanya usaha gabungan ini cuba memasukkan parti-parti lain yang cenderung kepada ideologi sosialisme seperti People's Progressive Party dan Socialist Youth League, tetapi persetujuan akhirnya hanya menggabungkan PBM dan PRM. Pada masa pelancaran SF ini Ahmad Boestamam dari PRM telah dipilih sebagai Presiden dan D.S. Ramanathan dari PBM menjadi Naib Presiden. Pada tahun 1964 National Convention Party di bawah Aziz Ishak menyertai barisan ini tetapi kemasukannya tidak membawa apa-apa perubahan signifikan pada SF.

Walaupun dasar pergabungan parti ini dikatakan mahu mencari satu titik pertemuan bagaimana sosialisme boleh dilaksanakan di negara ini pada hakikatnya ia tidak menjadi demikian. Mengikut Vasil tujuan sebenar penubuhan SF bukanlah untuk mencari pertemuan di dalam sosialisme tetapi lebih bertujuan untuk bertanding dalam pilihanraya umum 1959.<sup>17</sup> Walaupun matlamat ini pernah dilahirkan oleh salah seorang pemimpin SF Ahmad Boestamam melalui akhbar *Fikiran Rakyat* menolak hakikat ini.

<sup>15</sup> *Ibid*, h. 240

<sup>16</sup> *Ibid*.

<sup>17</sup> R.K. Vasil, *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*, Oxford University Press, London, 1971, h. 185.

"Melahirkan satu Front Socialist untuk menghadapi pilihanraya semata-mata bukan untuk menegakkan cita-cita politik sosialis adalah satu tujuan yang dangkal dan tidak mempunyai erti sedikitpun".<sup>18</sup>

SF mendakwa mereka adalah satu barisan beraliran sosialis. Program-program mereka disifatkan sebagai anti-kolonial dan nasionalis. Mereka juga mengakui sebagai pejuang orang ramai yang dieksplot dan mengkritik keras terhadap perjanjian pertahanan kerajaan dengan United Kingdom di bawah nama tentera komonwel yang menolong tentera Malaya di dalam operasi anti gerila.<sup>19</sup>

Di dalam pilihanraya negeri 1959 SF meletakkan 188 orang calon dan daripada ini hanya 16 calonnya telah berjaya. Mereka ini pula hanya memenangi kerusi di empat buah negeri yang tertumpu pengundi-pengundi bukan Melayu. Sementara itu di dalam kerusi parlimen SF telah meletakkan 30<sup>20</sup> orang calon dan 8 darinya telah terpilih. Lima calon dari Selangor dan tiga dari Pulau Pinang. Ini menunjukkan kemenangan mereka diperolehi dari kawasan yang majoriti penduduknya orang-orang bukan Melayu.<sup>21</sup> Di samping itu di dalam pilihanraya Bandaran Pulau Pinang (1961) SF telah memenangi 14 dari 15 kerusi yang dipertandingkan. Parti perikatan hanya memenangi satu kerusi.<sup>22</sup> Ini merupakan satu kemenangan besar bagi satu parti bukan kerajaan pada masa itu.

Pilihanraya umum 1964 pula merupakan tahun yang memamerkan kemerosotan SF. Daripada 63 calon yang dipertanding-

<sup>18</sup> Ahmad Boestamam seterusnya menyatakan, "Sosialis berjuang bukan kerana hendak memasuki pilihanraya melainkan kerana hendak menegakkan cita-cita politik sosialis. Pilihanraya mungkin dapat menegakkan tokoh tetapi belum tentu boleh menegakkan cita-cita politik sosialis. Tetapi tegaknya cita-cita politik sosialis pasti akan melahirkan kemakmuran dan keadilan di kalangan rakyat-buruh, tani dan mereka yang tidak berkuasa yang itulah dunia yang dituju oleh semua orang-orang sosialis", lihat *Fikiran Rakyat*, 28 Jun 1957.

<sup>19</sup> G.P. Means, *op.cit.* h. 242–243.

<sup>20</sup> Lain-lain sumber menyatakan SF telah meletakkan 38 orang calon dan bukannya 30 seperti yang ditulis oleh Means. Lihat K.J. Ratnam, *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, h. 219 dan R.K. Vasil, *The Malayan General Election of 1969*, Oxford University Press, London, 1972. h. 85. Daripada 16 orang calonnya yang menang itu, 7 orang berjaya di Pulau Pinang, 3 masing-masing dari Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Tumpuan kekuatan SF terletak di Pulau Pinang, Seremban dan kampung-kampung baru yang besar di Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Lihat G.P. Means, *ibid*, h. 261n.

<sup>21</sup> *Ibid*, h. 244.

<sup>22</sup> K.J. Ratnam, *op.cit.* hal. 202.

kan bagi kerusi parlimen hanya dua orang calon menang dan kedua-duanya dari PBM. PRM gagal memperolehi sebarang kerusi.

Satu rumusan yang boleh dibuat dari keputusan pilihanraya itu ialah SF yang mendakwa sebagai parti berbilang kaum itu hanya mendapat sokongan kebanyakannya dari pengundi-pengundi bukan Melayu. Sekaligus keputusan ini juga menunjukkan walaupun SF merupakan gabungan PBM (dominasi Cina) dan PRM (dominasi Melayu) ia sebenarnya lebih merupakan sebuah parti dominasi Cina. Fakta ini turut dijelaskan oleh Ratnam dan Milne yang mengatakan SF sebenarnya lebih dianggap sebagai sebuah parti '*non-Malay Communal*'<sup>23</sup>, dan Means pula mendakwa kekuatan sebenar yang ada pada SF adalah diperolehi dari PBM.<sup>24</sup>

Apakah sebabnya SF dianggap sebagai parti perkauman bukan Melayu? Juga, apakah faktor-faktor yang menjatuhkan pencapaian SF dalam pilihanraya 1964 berbanding dengan pilihanraya 1959? Lebih dari itu lagi, suatu persoalan penting, dengan menjadi barisan dari dua buah parti sosialis apakah SF berupaya mengelakkan partinya terlibat dari menyentuh isu-isu perkauman. Dilema ini amat berat bagi SF kerana ia berada di tengah-tengah trend politik perkauman. Semua ini boleh diperhatikan apabila pergolakan dalaman antara dua komponen parti sosialis itu dibongkar.

#### PERGOLAKAN DI DALAM SF: ANTARA SOSIALISME DAN PERKAUMAN

Walaupun di dalam perlembagaan dan manifesto-manifesto parti ini mendakwa mereka adalah parti 'berbilang kaum' yang memperjuangkan ideologi sosialisme, secara realitinya mereka gagal mempertahankan kenyataan tersebut. Di atas sebab-sebab kepentingan kaum SF tidak upaya mengawal kedua-dua komponennya terlibat dari pergeseran. PBM sebagai parti dominasi Cina tetap memperjuangkan kepentingan kaum Cina dan begitu juga sebaliknya bagi PRM sebagai parti dominasi Melayu malah parti-parti ini kelihatan lebih peka menyentuh isu-isu kaum dari isu-isu kemiskinan, pengangguran, penindasan kelas bawahan dan lain-lain lagi.

Sebenarnya SF menyedari akan bahaya isu perkauman dan telah berusaha mencari jalan mengelak dari menyentuh isu tersebut.<sup>25</sup> Namun demikian usaha-usaha ini gagal dan SF terpaksa

<sup>23</sup> K.J. Ratnam and R.S. Milne, *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, h. 378.

<sup>24</sup> G.P. Means, *op.cit.* h. 224.

<sup>25</sup> PBM dan PRM menyedari bahaya perkauman, dengan itu SF telah menggariskan beberapa matlamat untuk mengatasi masalah ini;

juga menyentuh malah menggunakan isu-isu perkauman untuk menjamin sokongan dan kejayaan parti. Antara isu-isu perkauman yang sering diperdebatkan adalah isu bahasa.

PRM memperjuangkan Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara dan menganggap bahasa-bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa kedua seperti kedudukan Bahasa Inggeris, walaupun kedua-dua bahasa itu masih boleh digunakan untuk pertuturan harian. Sebenarnya isu ini berkait rapat dengan isu pendidikan. Laporan Pendidikan Rahman Talib (1960) telah menetapkan pengguguran Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan pada tahun 1962. PBM menentang laporan itu terutamanya kerana ia melibatkan pengguguran bantuan penuh kerajaan terhadap sekolah-sekolah Cina pada tahun 1967 kelak.

Penentangan PBM ini menimbulkan krisis di dalam SF. Ahmad Boestamam mengancam mahu meletakkan jawatannya sebagai presiden SF jika PBM tidak menarik balik penentangan itu. Per golakan meruncing dan akhirnya membawa kepada satu perundingan dan kompromi terhadap beberapa pandangan PBM, antaranya:

- (a) Sekolah Cina dan India bantuan Kerajaan harus diteruskan sehingga tahun 1967 apabila isu ini akan disemak semula oleh parlimen.
- (b) Sekolah-sekolah selepas 1967 yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai pengantar pelajaran mesti juga mengajar Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa ibunda kebanyakan bukan Melayu.
- (c) SF tidak menentang sekolah-sekolah persendirian yang tidak diberi bantuan kerajaan dengan menggunakan bahasa mereka sendiri.
- (d) Mengulangi pendirian bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan perlu diperluaskan penggunaannya dalam semua bidang kehidupan.<sup>26</sup>

- 
- a) Mengubah 'tanggapan PBM adalah parti Cina, dengan memasukkan orang Melayu ke dalam eksekutifnya.
  - b) Menggariskan dasar nasionalis yang kuat dalam polisi parti.
  - c) Kempem yang berterusan dari luar dan dalam SF menentang semua bentuk perkauman. Di atas inisiatif SF, Ishak Hj. Muhammad telah didesak supaya menganggotai PBM di mana ia kemudian menjawat jawatan pengurus. Selepas pilihanraya Lim Kean Siew dari PBM telah dilantik menjadi penasihat Umum PRM. Namun demikian langkah ini tidak membawa apa-apa perubahan yang bermakna. SF terpaksa menghadapi semua masalah ini selagi ianya terus wujud dan sebab-sebab inilah membawa kepada perpecahan SF. Lihat R.K. Vasil, 1971, *op. cit.* h. 190–191.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 202.

Hanya dengan persetujuan syarat-syarat ini barulah Ahmad Boestamam setuju kembali memegang jawatan presiden. Walau-pun PBM bersetuju, apa yang nyata ialah kompromi ini bukanlah dilahirkan secara jujur dan rela hati. Mereka bersetuju semata-mata mahu mengekalkan kestabilan SF. Sebaliknya di dalam pilihanraya 1964 isu bahasa dan pendidikan kembali timbul. Persetujuan tahun 1960 itu nampaknya menjadi persetujuan di atas kertas sahaja sebagai jalan penyelesaian sementara bagi masalah semasa.

Selain dari isu bahasa SF juga bergolak di atas isu-isu hak keistimewaan orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu yang tercatit di dalam perlembagaan. PBM menentang kedudukan hak istimewa orang Melayu sejak sebelum menganggotai SF lagi. Malah pada tahun 1956 setahun sebelum wujud SF, kesan dari reaksinya terhadap laporan Reid mengenai Perlembagaan Persekutuan yang akan dibentuk, PBM telah menghantar memo kepada Komisi Reid supaya,

'All Malayan Nationals shall enjoy equal rights and shares equal responsibilities'.<sup>27</sup>

Dalam ertikata lain PBM menyanjung persamaan hak di antara kaum dan dengan itu menentang dominasi atau kelebihan kedudukan satu kaum terhadap yang lain. Bagaimanapun kedudukan ini mula berubah setelah ia menganggotai SF. Pada lahirnya mereka menyatakan persetujuan terhadap peruntukan itu semata-mata untuk menjaga kesepadan SF. PRM pula dengan tujuan mahu berkompromi, menyatakan bahawa semua warganegara akan dilayani sama bila keadaan membolehkan berbuat demikian pada suatu masa kelak.

Di samping isu bahasa dan hak istimewa SF juga bergolak di atas isu agama. Di dalam bulan April 1961 dua orang pemimpin bukan Melayu dari PBM Melaka keluar dari partinya kerana sebuah dokumen SF yang menyatakan Islam ialah sosialisme dan sosialisme ialah Islam; mereka berpendapat kenyataan tersebut adalah salah dan tidaklah dikehendaki bagi sebuah organisasi sosialis antara kaum memegang pandangan yang sebegini sempit. Ishak Hj Muhammad di dalam akhbar *Malay Mail* kemudian menjelaskan bahawa pernyataan ini tentang Islam dan Sosialisme dibuat untuk meniadakan kepercayaan yang sangat liar dan yang ada sekarang ini di kalangan orang-orang Melayu bahawa sosialisme bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Sementara itu Ahmad

---

<sup>27</sup> *Ibid*, h. 184.

Boestaman pula mengatakan bahawa baginya hal ini merupakan 'faham yang progressif'.<sup>28</sup> Kenyataan-kenyataan seperti ini adalah begitu sensitif di kalangan orang-orang Melayu dan ini mengukuh-kukah lagi pandangan serong mereka kepada parti-parti kiri.

Cuma di dalam isu ekonomi terdapat beberapa persamaan kepentingan di dalam SF ini. Secara jelas kedua-dua parti komponen berjuang ke arah mensosialismekan negara ini. Meskipun demikian di dalam sama-sama memperjuangkan sosialisme, isu ekonomi ini juga tidak lari dari batas-batas perkauman. Walaupun kedua-dua parti ini menuntut supaya industri-industri dimilikan negarakan PRM berada di dalam dilema berhubung dengan isu ini kerana memikirkan kepentingan masyarakat Cina yang begitu ramai menganggotai PBM itu. Ahmad Boestamam pada tahun 1962 cuba meyakinkan orang-orang Cina bahawa rancangan memiliki negarakan industri-industri dari PRM tidak melibatkan ladang-ladang getah, lombong-lombong dan industri-industri kepunyaan orang Cina yang menjadi warganegara.<sup>29</sup> Tindakan memiliki negarakan itu hanya melibatkan industri milik pelabur asing bukan warganegara. Di sini jelas perubahan sikap PRM yang selama ini ingin menjadi jaguh menentang liberalisme, kapitalisme dan mahukan penguasaan negara terhadap semua sektor penge-luaran tetapi kini sanggup mengenepikan kepentingan ideologi demi menjaga kepentingan kaum tertentu. Perubahan ini ketara memperlihatkan betapa kepentingan kaum itu mengatasi kepen-tingan dasar perjuangan parti.

Pada pertengahan tahun 1961 pula Tunku Abdul Rahman telah melahirkan gagasan pembentukan Malaysia yang mengga-bungkan Tanah Melayu dan negeri-negeri di Borneo. Di dalam isu ini PBM dan PRM kelihatan sama-sama menentang. Meskipun demikian, sikap penentangan mereka adalah berbeza. Di atas isu ini juga Kerajaan Indonesia di bawah regim Soekarno pada waktu itu turut menentang gagasan tersebut dan melahirkan tin-dakan '*Konfrontasi*' atau '*Ganyang Malaysia*'. PRM yang sememangnya selama ini berkiblat kepada Indonesia dengan perjuangan yang lebih pro kepada pembentukan '*Melayu Raya*'.<sup>30</sup> telah me-

<sup>28</sup> K.J. Ratnam *op.cit.* h. 200.

<sup>29</sup> R.K. Vasil, 1971, *op.cit.* h. 175.

<sup>30</sup> Pertubuhan Melayu Raya telah menjadi dasar perjuangan parti-parti politik kiri Melayu sejak PRM belum wujud lagi. Cita-cita ini ingin meng-gabungkan Malaya, Singapura, Sabah, Sarawak, Brunei dan Indonesia. Ada juga usaha-usaha yang mahu memasukkan kawasan-kawasan Selatan Siam dan Selatan Filipina. Antara pertubuhan yang turut memperjuangkan idea ini ialah KMM, KRIS dan PKMM.

nyokong sikap penentangan Indonesia itu. Mereka menganggap usaha-usaha ini hanya menjadikan Sabah dan Sarawak bertaraf 'neo-kolonial' semata-mata. Sikap penentangan PRM tidak akan dilahirkan jika usaha-usaha ini memasukkan Indonesia sekali yang menjadikan cita-cita ke arah 'Melayu Raya' itu tercapai.

Manakala bagi PBM pula yang lebih didalangi oleh Barisan Sosialis Singapura pada masa itu menentang di atas asas-asas yang berbeza. Mengikut Vasil, di bawah telunjuk Barisan Sosialis<sup>31</sup> ini PBM telah menjadi sebuah parti yang bersikap 'chauvinist' Cina yang melampau.<sup>32</sup> Penentangan PBM terhadap Malaysia ini juga tidak terpisah dari unsur-unsur perkauman. PBM melihat pembentukan Malaysia sebagai langkah awal ke arah perubahan 'Melayu Raya' yang dibentuk untuk melindungi kaum Melayu di Malaya, Indonesia dan Filipina dari Negara China dan orang-orang Cina di negara-negara rantau ini.<sup>33</sup> Dengan itu ianya harus disekat demi menjamin kedudukan orang-orang Cina. Namun setelah berbagai usaha dibuat ternyata Malaysia akhirnya berjaya dibentuk. Ekoran daripada ini orang-orang Cina semakin kuat melahirkan rasa tak puashati mereka khususnya melalui PBM. Isusu bahasa, agama dan hak istimewa Melayu kembali ditonjolkan. Mengikut Syed Husin Ali selepas sahaja peristiwa konfrontasi selepas politik perkauman menjadi bertambah kuat di Malaysia.<sup>34</sup>

Satu lagi punca kepada pergeseran di dalam SF adalah berhubung dengan perletakan calon di kawasan-kawasan pilihanraya. Masalah ini meruncing terutamanya dalam pilihanraya 1964. Adalah nyata bahawa gabungan ini yang mengikut model Perikatan antara lain bertujuan untuk mendapatkan sokongan orang-orang Melayu dan bukan Melayu. PRM bertanggungjawab bagi mendapatkan sokongan orang Melayu manakala PBM seharusnya mendapatkan sokongan orang bukan Melayu. Sekali gus andaian ini turut menentukan bahawa PBM patut bertanding di kawasan bandar yang ramai penguni Cina manakala PRM selayaknya bertanding di kawasan-kawasan luar bandar kerana di sana tertumpu pengundi Melayu. Keadaan ini mendatangkan rasa tidak senang dari PRM dan menuntut mahu turut bertanding di beberapa kawasan bandar dan ini melahirkan penentangan dari PBM.

<sup>31</sup> Barisan Sosialis ini tidak harus dikelirukan dengan SF. Pada masa SF bergerak di Tanah Melayu, wujud sebuah gerakan sosialis lain di Singapura yang dinamakan Barisan Sosialis. Hubungan di antara dua gerakan sosialis ini adalah rapat.

<sup>32</sup> R.K. Vasil 1972, *op. cit.* h. 18.

<sup>33</sup> R.K. Vasil 1971, *op. cit.* h. 179.

<sup>34</sup> Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depannya* Penerbitan Adabi, Kuala Lumpur, 1979, h. 39.

Pada pilihanraya tahun 1964 juga PRM menuntut mahu bertanding di banyak kawasan seperti yang mereka tandingi pada tahun 1959 tetapi hasrat ini tidak disetujui oleh PBM. PBM tahu akan keupayaan PRM dan tidak meyakini kekuatannya untuk memenangi banyak kerusi yang dipertandingkan. Pergeseran ini menimbulkan krisis di dalam parti itu. PRM ranap menghiraukan PBM tetapi meletakkan calon-calonnya dalam banyak kawasan yang dirancangkan. Krisis ini meruncing hingga Tan Chee Khoon seorang pemimpin PBM semasa itu menyatakan dalam kebanyakan kawasan kedua-dua parti itu bergerak di atas hal masing-masing. Segala gerakan menghadapi pilihanraya seperti mesyuarat-mesyuarat, strategi dan kempen-kempen dijalankan secara berasingan tanpa berdasarkan SF lagi.<sup>35</sup>

Hubungan parti-parti komponen SF menjadi semakin renggang apabila mereka menerima keputusan pilihanraya 1964 itu. Keputusan yang diterima amat mengecewakan. PBM yang banyak memenangi kerusi semasa pilihanraya 1959 kini hanya memenangi 2 kerusi parlimen manakala PRM kecundang dalam semua kawasan yang ditandinginya. Masing-masing di antara mereka menyalahkan satu sama lain.

PBM mendakwa PRM gagal mendapatkan sokongan pengundi Melayu<sup>36</sup> manakala PRM pula mendakwa PBM sendiri kurang memberikan sokongan kepada mereka di dalam pilihanraya itu. Sejak pilihanraya ini hubungan kedua-dua parti ini semakin renggang dan pada tahun 1965 PRM keluar dari SF mengakhiri gabungan itu. Setahun kemudian PBM pula secara rasmi menamatkan usia SF dengan keluar dari parti itu. Dengan itu SF berakhir secara rasminya pada tahun 1966.

Pada pilihanraya 1969 PBM telah memboikot pilihanraya itu sementara PRM yang telah ditukar namanya kepada Parti Sosialis Rakyat Malaya telah meletakkan 5 orang calon tetapi tewas kesemuanya. Walaupun PBM tidak bertanding dalam pilihanraya itu ia dikatakan terlibat dalam mencetuskan peristiwa 13 Mei. PBM didakwa telah membunuh seorang anggota UMNO di Pulau

<sup>35</sup> R.K. Vasil, 1971, *op. cit.* h. 217.

<sup>36</sup> PRM diharapkan untuk memperolehi undi Melayu bagi SF. Namun tugas ini amat sukar tambahan SF dicap sebagai parti dominasi Cina. PRM pula terpaksa menyaangi UMNO dan PAS yang telah lama menjadi jaguh pejuang Melayu. UMNO kuat melaungkan kepentingan kaum Melayu manakala PAS pula memperjuangkan kepentingan Agama Islam. Ini memudahkan mereka mendapat sokongan. Untuk menggunakan isu kelas adalah tidak mungkin berjaya bagi PRM. Dengan itu PRM menggunakan isu kepentingan hak istimewa Melayu tetapi telah terlewati. Tambahan imej PRM jatuh kerana isu konfrontasi menyebabkan ia dan PBM tewas pada pilihanraya 1964.

Pinang dan tidak lama kemudian seorang anggotanya pula mati ditembak polis. PBM telah mengadakan perarakan di atas kematian ini dan dari sinilah kekasaran 13 Mei bermula.<sup>37</sup>

### PERUBAHAN PIMPINAN PBM: IMPLIKASI KEPADA SF

Berdasarkan krisis demi krisis yang timbul di dalam SF nyata-lah bahawa kedua-dua parti 'sosialis' itu turut terjebak di dalam arena politik perkauman. Pergeseran yang wujud bukanlah di atas masalah dasar sosialisme ataupun masalah perebutan pimpinan untuk menerajui SF. Sekiranya PBM dan PRM berkonflik kerana mencari titik pertemuan di dalam memperjuangkan ideologi so-sialisme, itu tidaklah merupakan satu masalah besar. Perbezaan pendapat seperti ini boleh membawa kepada pemikiran yang progresif di dalam perkembangan ideologi tersebut apabila mereka menghasilkan satu jalan penyelesaian. Namun sekiranya pergeseran masih berlegar di sekitar isu-isu perkauman dengan fahaman ke-pentingan kaum yang sempit dan ianya lebih diutamakan dari batas-batas ideologi sosialisme, maka fenomena ini tidak menampakkan perjuangan yang benar-benar 'committed' terhadap ideologi yang mendasari parti ini. Jika mereka benar-benar yakin dan per-caya terhadap dasar perjuangan parti seharusnya mereka sang-gup melakukan pengorbanan untuk matlamat asas mereka tercapai.

Sebenarnya keadaan yang berlaku ini dapat dijelaskan dengan melihat perubahan pertukaran pucuk pimpinan parti komponen SF. SF lebih dilihat sebagai parti dominasi Cina atau bukan Melayu umumnya adalah berkaitan perubahan yang berlaku di dalam PBM.

Sekitar tahun 1950—1960an PBM adalah merupakan sebuah parti dominasi Cina yang besar selain dari MCA (Parti Gerakan hanya muncul pada tahun 1968 dan DAP pada tahun 1966). PAP pada masa sebelum Singapura keluar dari Malaysia hanya berkubu di pulau itu sahaja. Pada awal perkembangan parti ini, PBM diterajui oleh pemimpin-pemimpin Cina yang berpendidikan Inggeris. Mereka ini lebih bersikap sederhana (moderate) dan tidak begitu bersifat perkauman. Perjuangan kepada ideologi sosialisme dengan kepentingan kelas pekerja adalah menjadi asas utama perjuangan mereka. Seperti yang dinyatakan di bahagian awal tadi pembentukan parti ini mengikut model parti Buruh Great Britain.

Walau bagaimanapun kedudukan golongan yang sederhana ini mula terancam dengan timbulnya satu lagi puak yang cuba

---

<sup>37</sup> L.Comber, *13 May 1969 A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Heinemann, Kuala Lumpur, 1983, h. 66.

meraih kepimpinan parti dari golongan pendidikan Cina. Milne dan Mauzy menganggap puak ini sebagai:

“ . . . a radical chauvinistic wing of primarily Chinese-educated Chinese who espoused a more revolutionary socialist line”.<sup>38</sup>

Kedua-dua golongan ini sering berebut kuasa di antara satu sama lain. Hubungan antara kedua-dua puak ini adalah renggang dan mengikut seorang pemimpin golongan yang berpendidikan Cina Tan Kai Hee, mereka tidak langsung menyukai pemimpin-pemimpin yang berpendidikan Inggeris. Mereka menganggap pemimpin-pemimpin itu kurang radikal. Sementara itu mengikut Vasil pula pemimpin yang berpendidikan Inggeris itu lebih menampakkan ‘cosmopolitan outlook’, benar-benar tidak perkauman dan kurang cenderung untuk mengeksploit isu-isu perkauman bagi tujuan mendapatkan sokongan.<sup>39</sup>

Perubahan dalam pucuk pimpinan berlaku kerana beberapa sebab. Pada bulan April 1958, Pendaftar Kesatuan-Kesatuan Sekerja Persekutuan Tanah Melayu telah membatalkan pendaftaran National Union of Factory and General Workers, iaitu satu kesatuan sekerja yang besar yang hampir keseluruhan anggotanya merupakan kaum Cina. Oleh kerana pertubuhan ini diharamkan, ahli-ahlinya yang berlatar-belakangkan pendidikan Cina telah pindah beramai-ramai menyertai PBM. Ada juga usaha sebilangan dari mereka untuk menyertai PRM tetapi pimpinan PRM enggan menerima jumlah mereka yang ramai kerana bimbangkan dominasi Melayu terhadap parti itu akan tergugat. Sementara itu, akibat krisis MCA di dalam Perikatan pada pertengahan tahun 1959<sup>40</sup> pula telah menyebabkan ramai anggota MCA keluar dari parti itu dan memasuki PBM selain dari beberapa parti Cina seperti PPP. Perubahan-perubahan ini telah menyebabkan PBM menjadi bertambah besar dan penyokong-penyokong pimpinan golongan berpendidikan Cina turut bertambah. Campuran idea-idea sosialisme, perkauman dan ‘moderation’ menjadikan PBM sebuah parti yang tidak menentu dasar dan arah sebenar perjuangannya seperti yang dinyatakan oleh Vasil;

<sup>38</sup> R.S. Milne and D.K. Mauzy, *op.cit.* h. 147.

<sup>39</sup> R.K. Vasil 1971, *op.cit.* h. 143.

<sup>40</sup> Konflik di dalam parti Perikatan meletus menjelang pilihanraya umum apabila MCA menuntut lebih banyak kerusi yang diperuntukkan kepadanya. UMNO merasakan jumlah kerusi yang diberikan sudah mencukupi. Kesan dari krisis ini menyebabkan ramai ahli MCA keluar dari parti meskipun kemudiannya Perikatan bersetuju menambah bilangan kerusi untuk MCA.

" . . . the influx of large numbers of Chinese-educated Chinese with their communal orientation and extremist ideological commitment and the party's membership of the Socialist Front made it difficult for the Labour Party to define its ideology and programme clearly. The communal-oriented Chinese, the extreme leftists and the moderate English-educated leaders all pulled the party in different directions".<sup>41</sup>

Pergelutan dua golongan ini memperlihatkan seolah-olah wujud perkauman di dalam perkauman di mana SF telah dianggap 'non-Malay communal party' sebagai oposisi kepada Malay Communal Party seperti UMNO manakala dalam SF itu pula sering berkonflik PBM dan PRM di atas isu-isu kaum dan lebih dari itu lagi di dalam PBM pula wujud persaingan dua golongan Cina yang berbeza pendidikan itu.

Tidak lama kemudian pada pertengahan tahun 1960 golongan Cina berpendidikan Cina berjaya meraih kemenangan di dalam pemilihan pimpinan parti. Mulai dari sinilah bermulanya perubahan di dalam kepimpinan dan dasar-dasar PBM serta turut mempengaruhi SF. Di sini juga kelihatan perubahan PBM ke arah ideologi yang melampau yang dianggap sebagai 'a blatantly pro-communist (pro-Peking) and Chinese chauvinist character'.<sup>42</sup> Walaupun ideologi mereka ini dikatakan keterlaluan pro-Peking, sebenarnya kebanyakan mereka tidak tahu apa sebenarnya ideologi yang di perjuangkan. Penglibatan mereka hanyalah ikut-ikutan dari rasa chauvinist kaumnya apatah lagi setelah kerajaan yang dianggap sebagai kerajaan dominasi Melayu telah mengharamkan kesatuan sekerja mereka. Kebanyakan mereka hanya berpendidikan sekolah rendah Cina dan jika ada yang benar-benar cenderung pada ideologi komunis itu adalah secara kebetulan sahaja;

'Ideological extremism is only incidental. Their basic commitment is to the great fatherland China and its great culture, heritage and language'.<sup>43</sup>

Dengan itu apabila massa, khususnya orang-orang Cina serta pemerhati-pemerhati politik melihat perubahan dalam SF ini maka tidak hairanlah mereka menganggap SF sebagai parti dominasi Cina meskipun PRM berada di dalam SF. Pandangan ini diperkuatkan lagi apabila setiap kali pilihanraya diadakan hanya kebanyakan calon-calon PBM yang beroleh kemenangan. Jika ada calon PRM yang menang hanyalah mereka yang bertanding di kawasan-kawasan yang ramai pengundi Cina khususnya di kawasan bandar. Calon PRM itu menang kerana parti itu berada dalam SF.

<sup>41</sup> R.K. Vasil, 1971, *op.cit.* h. 128.

<sup>42</sup> *Ibid*, h. 141.

<sup>43</sup> *Ibid*.

Selepas pilihanraya 1964 PRM akhirnya menyedari bahawa sikap perkauman melampau PBM itu hanya mengurangkan sokongan orang-orang Melayu terhadap parti itu. Keadaan ini hanya merugikan mereka dan PRM merasakan kerjasama di dalam SF tidak mungkin berjaya lagi.

### KESIMPULAN DAN MASA DEPAN PARTI-PARTI POLITIK KIRI

Perjuangan PBM dan PRM yang berbau perkauman seolah-olah membenarkan kenyataan di bahagian awal eseai ini, di mana pengalaman IMP sebagai sebuah parti politik 'non-communal' tidak boleh survive selagi ia menolak trend politik yang bersifat perkau man. Gelombang perkauman di negara ini adalah terlalu kuat untuk parti-parti kiri ini bergerak di atas dasar 'non-communal'. Namun ada juga yang berpendapat bahawa pada satu masa kelak parti 'non-communal' yang berasaskan ideologi itu yang akan mendapat tempat. Meskipun andaian ini mungkin boleh dicapai ia pasti memerlukan satu jangkamasa yang amat panjang untuk mengubah trend politik sekarang.

Di dalam satu perbincangan B.N. Cham melalui tulisannya '*Class and Communal Conflict in Malaysia*' (1975)<sup>44</sup> menyatakan bahawa, sebenarnya elit yang memerintah itu memang sengaja memanipulasikan sentimen-sentimen perkauman supaya mereka dapat mengekalkan kuasa. Dengan menonjolkan sentimen perkauman juga massa akan lebih peka terhadap perbezaan-perbezaan di antara kaum. Serentak itu soal-soal perbezaan klas tenggelam di dalam isu-isu perkauman yang lebih menonjol. Isu-isu politik, ekonomi, pelajaran, budaya dan agama seringkali dilahirkan dengan gambaran-gambaran bersifat perkauman. Dalam sebuah masyarakat seperti Malaysia di mana tidak ada sebuah kaum pun yang menduduki majoriti yang besar dan ditambah pula perbezaan-perbezaan kaum ini selari dengan perbezaan pemilikan kuasa ekonomi dan kuasa politik, maka apabila sahaja tersentuh sentimen-sentimen perkauman, kaum yang sudah sedia berbeza dari segi sentimen 'primordial' ini mudah bertindak balas. Atas sebab-sebab inilah hanya parti-parti yang bersifat perkauman sahaja mudah mendapat sokongan berbanding dengan parti-parti berbilang kaum. Dengan itu pada masa yang sama kelas bawahan sama ada dari kaum Melayu, Cina dan India sukar sekali untuk bergabung menjuruskan kepercayaan kepada parti yang memperjuangkan kepentingan mereka.

---

<sup>44</sup>B.N. Cham, "Class and Communal Conflict in Malaysia", di dalam *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 5, No. 4, 1975.

Sebenarnya perbezaan miskin kaya dan perbezaan kelas memang wujud di negara ini tetapi oleh kerana sentimen perkauman sudah menjadi dominan dan sudah tidak boleh terpisah lagi, maka kesedaran tentang wujudnya perbezaan kelas tidak timbul. Dengan merujuk kepada keadaan seperti ini, maka tidak hairanlah mengapa mana-mana parti sosialis atau parti-parti politik kiri di negara ini sukar mendapat sokongan. Di dalam kes-kes tertentu jika ada parti sosialis atau 'the so-called socialist party' itu mendapat sokongan sudah tentu tindakan-tindakan parti itu turut condong ke arah perkauman.<sup>45</sup> Ini menyebabkan parti-parti kiri khususnya PRM dan PBM kelihatan lebih lantang bercakap tentang isu-isu perkauman dari isu-isu perjuangan kelas.

Kembali kepada PBM dan PRM nyatalah bahawa mereka tidak lepas dari fenomena ini. Perjuangan 'sosialisme' yang didokong oleh kedua-dua parti ini tidak terpisah dari politik perkauman. Persoalan seperti ini telah lama dibincangkan tetapi masih belum terjawab bagaimanakah *survival* parti-parti 'sosialis' boleh dipertahankan di masa hadapan. Akhbar *The Straits Times* 4 September, 1957 pernah mengulas soal ini;

"The basic weakness of Malayan Socialists is their failure to evoke a faith to meet Malayan conditions. How do Malayan Socialists propose to tackle the economic problems of a country whose prosperity depends on its ability to sell tin and rubber in foreign countries? A more complex problem they have evaded is how socialism can be applied in a country where economic divisions broadly coincide with race".<sup>46</sup>

Dengan itu sama ada mahu atau tidak, baik apa sahaja ideologi yang diperjuangkan satu-satu parti di negara ini harus turut melibatkan diri di dalam arena politik perkauman.

Terutama bagi parti-parti politik kiri, di dalam usaha menerapkan satu ideologi baru yang agak asing bagi masyarakat negara ini sudah tentu ia menghadapi berbagai rintangan. Masyarakat Melayu umpamanya, amat sukar menerima ideologi itu tam-

<sup>45</sup> Parti Gerakan lahir pada 25 Mac 1968 memulakan perjuangan dengan dasar tidak perkauman, 'moderate socialism' dan demokrasi. Memang pada awal perkembangan parti ini berbentuk tidak perkauman tetapi kemudiannya terutama akhir-akhir ini kedudukan itu sudah berubah. Parti DAP pula lahir pada 19 Mac 1966 atas inisiatif saki baki pimpinan PAP yang telah memerintah Singapura. Dari sudut perlembagaannya tujuan parti ini mahu membentuk 'a non-racial democratic socialist pattern of society in Malaysia', lihat R.S. Milne and D.K. Mauzy, *op. cit.* h. 150-152. Namun sejauhmana matlamat ini diperjuangkan masih boleh dipertikaikan.

<sup>46</sup> N.L. Snider, Malaysian Non-Communal Political Parties dalam, J.A. Lent, (ed) *Cultural Pluralism in Malaysia: Polity, Military, Mass Media, Education and Social Class*, The Centre for Southeast Asian Studies, Northern Illinois, 1977, h. 11.

bahan parti-parti ini sering dimomok-momokkan oleh parti-parti UMNO dan PAS yang mendakwa PRM telah menjadi komunis, anti-agama dan anti-Islam.<sup>47</sup>

Dengan itu sebenarnya masa depan perjuangan sosialisme bukanlah bermula dengan perjuangan menerapkan asas-asas sosialisme tetapi haruslah didahului dengan melenturkan sentimen perkauman dalam masyarakat majmuk itu. Selagi perkauman mendominasi politik negara ini selagi itulah kesedaran kelas dan sosialisme atau perjuangan kiri ini menghadapi rintangan yang besar seperti yang Snider katakan, "In Socialist theory issues of race are completely subordinate to the fundamental issues of economic organization and class struggle".<sup>48</sup> Walau bagaimanapun Ratnam pernah melahirkan rasa optimisnya akan perubahan trend ini melalui tulisannya,

"From (sic) Sosialis memperlihatkan satu hakikat yang penting tentang politik berpartai di Persekutuan Tanah Melayu. Tidak ada partai sosialis mana pun yang dapat berjaya membangkitkan sokongan rakyat selama hubungan-hubungan perkauman mengatasi kepentingan ekonomi. Dan mungkin beberapa lama kemudian barulah kelakuan politik di dalam negeri ditentukan oleh pertimbangan-pertimbangan ideologi dan bukan pertimbangan-pertimbangan perkauman."<sup>49</sup>

Soalnya bilakah perubahan trend ini akan berlaku? Apa yang menjadi masalah sekarang ialah isu-isu perkauman nampaknya bukan menjadi semakin berkurangan setiap hari, sebaliknya ia masih dan tetap menjadi panas malah kadangkala semakin hari ia menjadi semakin panas ditiup oleh pemimpin-pemimpin dan parti-parti politik perkauman. Melihatkan perkembangan politik sedemikian adalah dirasakan parti-parti yang cuba mengelak dari menyentuh kepentingan kaum atau cuba meletakkan kepentingan etnik sebagai satu dasar yang remeh hanya menjadikan perjuangannya semata-mata sebagai satu illusi.

<sup>47</sup> R.K. Vasil, 1971, *op.cit.* h. 172.

<sup>48</sup> N.L. Snider, *op.cit.* h. 13.

<sup>49</sup> K.J. Ratnam, *op.cit.* h. 203.